

17 OCT 1996

JAWATANKUASA PUSAT MCA AKAN BINCANG POLITIK WANG DAN RASUAH

ALOR GAJAH, 17 Okt (Bernama) -- Gejala politik wang dan rasuah dalam parti termasuk pada pilihan raya akan menjadi satu daripada agenda utama dalam mesyuarat Jawatankuasa Pusat MCA yang akan datang.

Naib Presiden MCA Datuk Dr Fong Chan Onn berkata, perkara itu akan dibincang dengan serius walaupun masalah berkenaan tidak dihadapi oleh parti itu.

"Perkara itu akan dibincangkan bagi memastikan MCA tidak dihantui amalan buruk itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bilik komputer di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Macap Baru di sini, hari ini.

Beliau berkata Jawatankuasa Pusat menyahut saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad supaya usaha mencegah serta membanteras amalan buruk berkenaan dilakukan oleh semua parti.

Semalam, Perdana Menteri dalam kenyataannya berkata kerajaan akan memperluaskan langkah membanteras politik wang dan rasuah dalam kempen parti politik termasuk parti pembangkang pada setiap kali pilihan raya umum.

Fong yang juga Timbalan Menteri Pendidikan berkata cadangan itu baik dan seharusnya diikuti oleh semua parti politik termasuk pembangkang supaya demokrasi yang diamalkan di negara ini bersih. -- BERNAMA

MYD PR